

Pengalaman penuh keinsafan

KOSMO 21/01/09 M/S 18

Setahun berada di Nalaikh, Dhanya Low menjadi saksi kepada segala kedaifan dan kepayahan hidup masyarakat tempatan Mongolia.

Oleh YEO LI SHIAN
ls.yeo@kosmo.com.my

S EORANG lelaki kurus yang berwajah cengkung kelihatan begitu gelisah. Ketika itu, dia sedang mencari sesuatu di setiap sudut rumahnya. Tangannya bergerak pantas menyelongkar barang-barang yang tidak terurus di atas lantai.

Biarpun barangannya bersepah, sekali pandang, kediaman setingkat berinding kayu itu kelihatan agak kosong. Ringkas dan terlalu biasa. Tiada perabot mewah mahupun rekaan dalam yang istimewa.

Apa yang ada hanyalah satu ruang segi empat untuk menempatkan barangan keperluan asas. Dapur dan belanga-belanga kotor yang hitam dan berhabuk kerana tidak dibasuh kelihatan tersadai di satu sudut di belakang rumahnya.

Tiba-tiba wajah lelaki kurus itu tersenyum. Tangan kanannya memegang cawan yang kelihatan agak bersih dan bersuara: "Ah, jumpa pun. Bolehlah saya hidangkan Suutei tsai (teh susu Mongolia) untuk awak."

Hati tetamu yang berkunjung ke rumah usang itu tersentuh. Kelu lidah dan tidak berkata melihat telatah lelaki itu.

Insiden yang berlaku itu masih segar dalam ingatan Dhanya Low Choon Fui. Pengalaman yang menginsafkan itu dikutipnya sewaktu berada di kawasan pedalaman Mongolia selaku salah seorang sukarelawan *World Vision* (WV).

Setahun berada di Nalaikh, wanita



KETIADAAN bekalan air memaksa kanak-kanak ini mendapatkan air dari lopak.

berusia 34 tahun itu menjadi saksi kepada segala kedaifan dan kepayahan hidup penduduk tempatan Mongolia. Mereka juga menjadi testimoni bahawa kebahagiaan tidak semestinya diukur dengan wang ringgit.

Dhanya turut menyifatkan tempoh di Mongolia itu sebagai saat yang paling berharga sepanjang lebih tiga dekad usianya.

"Biarpun sudah empat tahun penga-

laman itu berlalu, kesannya masih dirasai. Menurutnya, wajah kanak-kanak dan penduduk kampung di Mongolia yang terkadang terlintas di fikiran mengingatkannya bahawa kehidupan di Malaysia cukup bertuah.

"Kehidupan boleh jadi amat ringkas, tetapi tetap mengembirakan. Anda boleh tidak memiliki apa-apa tetapi masih belajar menghargai apa yang ada. Seringkas itu," katanya penuh bermakna



pada pertemuan bersama *Kosmo!* di kediamannya di Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Niat menyumbangkan tenaga untuk penduduk Mongolia bermula setelah Dhanya mengikuti satu ekspedisi singkat di pedalaman Mongolia pada 1999. Ekspedisi anjuran *Raleigh International Singapore* yang disertai 50 sukarelawan itu berjaya membina sebuah sekolah dalam masa enam minggu.

Lantaran itu, pada tahun 2003, dia melepaskan kerjaya lumayan di kampung halaman demi memenuhi impian bergelar sukarelawan sepenuh masa. Tidak kisah untuk menanggung segala kos sendiri, dia diterbangkan ke Mongolia di bawah kelolaan WV.

Mongolia mula bankrap setelah kejatuhan Kesatuan Soviet pada lewat tahun 1980-an. Jika sebelum ini, Nalaikh pernah menjadi sebuah bandar perlombongan arang batu yang sibuk, kini keadaannya seakan dilanda sumpahan yang tiada akhirnya.

Nalaikh pula adalah salah satu daripada sembilan daerah di ibu negara Mongolia, Ulaanbaatar (UB) dengan populasi berjumlah sekitar 22,000 orang. Berdasarkan statistik kerajaan, 60 peratus populasinya hidup di bawah garis



PEMANDANGAN musim sejuk
di kawasan perumahan Khasaa.

kemiskinan. Hanya berbe-
kalkan pendapatan bulanan
kurang daripada RM65, ra-
ta-ratanya tidak mampu
membeli barangan keperlu-
an asas. Inikan pula makan-
an dan peralatan meman-
askan badan. Sedangkan
cuaca di Mongolia sangat se-
juk.


Jadi, tidak hairanlah jika
kedaifan dan kesusahan hi-
dup tergambar pada hampir
semua wajah yang pernah
Dhanya temui.

Jika di Malaysia, kita se-
ring bertanya orang yang ditemui sama
ada mereka sudah makan atau pun tidak.
Di Nalaikh, itu adalah soalan pantang.
Lebih-lebih lagi selepas pertengahan bu-
lan kerana majoritinya sudah tidak mem-
punyai wang untuk membeli makanan.

“Kebanyakan rumah tiada paip air.
Jika nak air, kena isi dan angkut sendiri di
pusat stesen air. Jadi, melihat kanak-ka-
nak 10 tahun mengerah sepenuh tenaga
menarik kereta sorong berisi tong air
adalah satu perkara biasa. Ada juga yang
terdesak sehingga mengambil air dari
lopak,” katanya dalam nada syahdu.

Faktor kekurangan air juga menyeb-
abkan ‘jadual mandi’ mereka menjadi
tidak menentu. Jika bertuah, adalah pe-
luang untuk mandi. Itu pun hanya sekali
dalam setiap empat atau 10 hari.

Kemiskinan menyebabkan aspek ke-
sihatan menjadi satu perkara yang sangat
premium. Ketika melawat sebuah rumah
di bawah Program Pembangunan Ka-
wasan Erdenet, Dhanya terkejut melihat
seorang kanak-kanak yang sedang sakit
tertiarap di atas lantai tidak bergerak.
Abangnya pula duduk di tepi katil tanpa
mampu berbuat apa-apa.



KANAK-KANAK ini tertiarap kerana sakit.



KEBANYAKAN rumah
hanya ada keperluan
asas untuk memasak.

info



MENARIK TENTANG ULAANBAATAR

- Merupakan pusat ekonomi, industri, sains, politik dan kebudayaan Mongolia.
- Terletak di antara empat gunung iaitu Bogda Khan Uul, Chingeltei Uul, Bayanzurkh Uul dan Songino Khaikhan.
- Merupakan ibu negara dan bandar terbesar di Mongolia dengan memiliki satu pertiga daripada keseluruhan populasi Mongolia.
- Kira-kira 250,000 masyarakat tempatan UB menetap di kawasan luar bandar. Majoritinya masih memilih untuk tinggal di dalam rumah tradisional, Ger.

APA YANG PERLU DAN TIDAK BOLEH LAKUKAN

- JIKA berpeluang mengunjungi keluarga nomad atau memasuki Ger, anda mungkin tidak sedar akan kepercayaan dan perbezaan budaya masyarakatnya. Berikut adalah senarai perlu dan jangan bagi memudahkan pemahaman anda

kedaifan, terselit juga manisnya kemes-
raan orang Mongolia.

Percaya atau tidak, biarpun hidup da-
lam serba kekurangan, masyarakat Mon-
golia tetap bersedia dan sentiasa ber-
usaha memberikan layanan terbaik ke-
pada setiap tetamunya.

Selain tinggal di rumah tradisional Ger,
sebahagian penduduk pedalaman Mon-
golia juga mendiami rumah batu dan kayu

"Itu bukan kerusi teruk pernah saya jumpa, ada banyak lagi. Biasanya dalam rumah tradisional orang Mongolia (Ger), terdapat dapur di tengah-tengahnya.

"Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun secara tidak sengaja duduk di atas dapur itu sehingga punggungnya melecur. Malangnya, disebabkan prosedur pembedahan yang tidak sempurna, bahagian sulitnya mengalami jangkitan. Akibatnya, kanak-kanak itu terpaksa menggunakan saluran tiub untuk membuang air besar," cerita ibu kepada anak malang itu.

Tahap ketahanan mental Dhanya berkali-kali teruji dalam setiap lawatan rumah yang dibuat. Dengan sumber yang terhad, bantuan sekecil mana sekali pun tetap membawa makna yang besar kepada penerimanya.

Dalam satu rombongan mengagihkan barangan keperluan asas kepada keluar-



SESETENGAH penduduk nomad Mongolia masih tinggal di dalam Ger.

ga miskin, dia sekali lagi dikejutkan oleh realiti pahit kehidupan.

"Waktu itu, ahang tahun baru dan salji tebal. Kami terkejut menemui satu keluarga dalam kegelapan. Kira-kira tujuh orang kesemuanya.

"Sudahlah sejuk, mereka terpaksa pula menyambut kedatangan tahun baru dengan perut kosong," jelasnya dalam nada pilu.

Pada ketika itulah, Dhanya faham betapa kehadiran mereka dihargai oleh keluarga tadi. Namun, dalam kepahitan dan

dalam kawasan berpagar iaitu Khasaa.

Seingat Dhanya, contoh terbaik ada pada salah satu insiden yang berlaku ketika rombongan staf WV dan sukarelawan membuat kunjungan ke sebuah penempatan Khasaa.

"Dalam satu lawatan rumah, sebaik sahaja kami melangkah masuk, seorang lelaki pertengahan usia terus meluru keluar. Ke mana dia pergi, kami tak tahu. Ingatkan dia malu atau sengaja nak elakkan kami.

"Tiba-tiba, beberapa minit kemudian dia muncul semula dengan membawa gula-gula dan biskut di tangan. Ruparupanya, dia lari ke kedai berdekatan semata-mata nak dapatkan semua itu," jelasnya disulam keinsafan.

Melihat betapa ikhlasnya layanan masyarakat Mongolia terhadap orang asing, hati Dhanya terus cair. Tidak mampu lagi menahan sebak, air matanya mengalir deras membasahi pipi.

perhatikan anda terhadap budaya orang Mongolia.

PERLU BUAT

- Ucap 'Helo' (sain bainuul) apabila tiba. Tetapi elakkan daripada mengulangi kata-kata itu kepada orang yang sama.
- Nikmati sedikit makanan atau apa sahaja yang dihidangkan.
- Terima makanan dan minuman dengan tangan kanan. Gunakan tangan kiri untuk menyokong siku kanan.
- Pegang cawan dari bawah. Elak memegang dari atas
- Tidur dengan cara kaki menghala ke arah pintu

JANGAN BUAT

- Bersiul di dalam Ger
- Padamkan api dengan hentakan kaki, curah air atau buang sampah ke atasnya. Api adalah lambang kesucian orang Mongolia.
- Berjalan di hadapan orang yang lebih tua.
- Berpaling ke arah objek-objek keagamaan (kecuali sewaktu meninggalkannya)
- Ambil makanan dari pinggan orang lain dengan tangan kiri
- Menyentuh topi orang lain
- Berseimbang panjang dengan bahasa ibunda di hadapan tuan rumah.



DHANYA menghulurkan makanan kepada seorang penduduk di pedalaman Mongolia.



PEMANDANGAN kanak-kanak menolak kereta sorong berisi tong air adalah perkara biasa di Nalaikh.